




9.1 Fasa Bulan

A Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah tentang Bulan. **TP3**



Pernyataan	Jawapan
1. Bahagian A pada bulan tidak kelihatan dari Bumi.	
2. Bahagian B pada bulan memantulkan cahaya matahari ke Bumi.	
3. Bahagian A pada bulan kelihatan bercahaya dari Bumi.	
4. Bahagian A pada bulan menghadap Matahari manakala bahagian B pada bulan membelakangi Matahari.	
5. Matahari adalah sumber tenaga kepada Bulan.	
6. Permukaan Bulan yang membelakangi Matahari kelihatan bercahaya dari Bumi.	
7. Permukaan Bulan yang disinari Matahari akan kelihatan dari Bumi.	
8. Perubahan bentuk Bulan berlaku kerana luas permukaan Bulan menghadap Matahari berubah-ubah.	
9. Bulan dapat menghasilkan cahayanya sendiri apabila terkena cahaya matahari.	
10. Bulan tidak dapat dilihat pada waktu siang kerana cahaya matahari terlalu terang.	
11. Perubahan kedudukan Bulan semasa peredaran mengelilingi Bumi menyebabkan saiz Bulan kelihatan berubah-ubah.	

B Lengkapkan pernyataan berikut mengenai satelit semula jadi bagi Bumi.



- Lukis kan arah putaran Bulan pada rajah di atas.
- Bulan berputar dari arah _____ ke _____.
- Masa yang diambil oleh Bulan untuk membuat satu putaran lengkap ialah _____.
- Bulan berputar pada _____.

C Rajah di bawah menunjukkan kedudukan Bulan dan Bumi. **TP3**



- Nyatakan arah peredaran Bulan mengelilingi Bumi.

- Berapa lamakan masa yang diambil oleh Bulan untuk membuat satu putaran lengkap mengelilingi Bumi?

- Namakan garisan bayangan tempat berlakunya pergerakan Bulan mengelilingi Bumi.
